

05 OCT 2003

OIC-Penyusunan Semula

MALAYSIA MAHU CERGASKAN SEMULA OIC

Oleh: P.Vijian

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) - Selepas membidas proses pembaharuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengalihkan perhatiannya kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Bulan lepas, di Sesi ke 58 Perhimpunan Agung PBB di New York, Dr Mahathir membidas badan dunia itu kerana gagal dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Tetapi apabila Sidang Kemuncak Ke 10 OIC berlangsung di Pusat Konvensyen Putrajaya dari 11 hingga 18 Okt, Malaysia dijangka menyeru supaya diadakan pembaharuan besar untuk menjadikan perkumpulan 57-negara itu lebih berkesan dalam memperjuangkan agenda ummah.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Fuzi Abdul Razak berkata, Malaysia akan mengambil usaha serius untuk menyusun semula OIC apabila ia mengambil alih sebagai pengerusi pergerakan itu.

"Sebagai pengerusi baru adalah menjadi tanggungjawab kita untuk bekerjasama dengan Jeddah (ibu pejabat OIC) untuk memastikan resolusi yang dilulus turut dilaksanakan," kata beliau kepada Bernama dalam satu temubual di pejabatnya.

Cadangan untuk menyusun semula badan global itu bermula sejak 2001 apabila sebuah syarikat juruperunding Malaysia, Accenture (M) Sdn Bhd ditauliahkan untuk menjalankan kajian bagaimana untuk mempertingkatkan keupayaan badan dunia itu.

Penyusunan semula itu akan dibuat melalui dua pendekatan - menumpukan pada sekretariat itu sendiri dan juga fungsi keseluruhan OIC.

"Pertamanya sekretariat di Jeddah akan disusun semula untuk mengatasi kelemahan yang menghalang pertubuhan itu daripada berfungsi dengan berkesan. Keduanya, memperbaiki cara kerja OIC.

"Juga sudah tiba masa untuk kaji semula Piagam OIC untuk memperkenalkan prosedur-prosedur baru yang belum pernah dilakukan sejak ia ditubuhkan," kata Ahmad Fuzi.

Beliau berkata, lebih kurang 160 resolusi dibentangkan di setiap sidang kemuncak dan cadangan yang sama diulangi dan dikemaskini di sidang kemuncak berikutnya.

"Persoalan sekarang ialah sama ada ini cara terbaik untuk meneruskan dengan kerja kita. Terdapat cadangan untuk menerima resolusi-resolusi itu di peringkat Menteri-menteri Luar di sebalik membawanya balik ke sidang kemuncak dan menerimanya semula.

"Apabila ia diterima, resolusi berkenaan perlu dilaksanakan. Baru kemudian pada sidang kemuncak para pemimpin boleh menumpukan pada isu-isu utama," katanya.

Kajian juruperunding itu dijangka siap sebelum sidang kemuncak bermula dan ia akan disampaikan kepada Setiausaha Agung OIC.

Pada Julai, Bank Pembangunan Islam yang berpangkalan di Jeddah bersetuju untuk menyediakan bantuan teknikal yang termasuk US\$1.2 juta untuk menjalankan kajian utama.

Malaysia memainkan peranan utama dalam penubuhan OIC pada 1969 di Rabat, Mahgribi dan allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj merupakan setiausaha agung perkumpulan itu.

-- BERNAMA

VP AZZ PR

